

19 OCT 1998

Abdullah-Dasar

MALAYSIA TETAP AMAL DASAR BEBAS DAN BERKECUALI

KOTA BAHARU, 19 Okt (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Malaysia akan meneruskan pendirian sekarang iaitu berpegang kepada dasar bebas dan berkecuali berhubung isu-isu antarabangsa.

Katanya dasar itu termasuklah tidak memihak kepada golongan tertentu serta mengiktiraf kedaulatan sesebuah negara serta menghormati hak kedaulatan sesuatu wilayah.

"Jika kita terpaksa membuat pilihan antara yang benar dan yang salah tentunya kita akan memilih yang benar," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa di Tokyo, turut menyatakan dengan tegas bahawa beliau tetap mendokong prinsip mempertahankan kebenaran dalam setiap waktu.

Perdana Menteri ketika dalam sesi soal jawab dengan ahli-ahli Kelab Umno Jepun, Persatuan Pelajar Malaysia dan para isteri kakitangan kedutaan (perwakilan) di Kedutaan Malaysia di Jepun, semalam mendedahkan pernah menolak permintaan Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton supaya menyokong serangan negara itu ke atas Afghanistan dan Sudan beberapa bulan lepas.

Dr Mahathir berkata beliau tidak akan menjadikan dirinya sebagai orang kesayangan barat dan sebaliknya lebih rela mempertahankan prinsip mempertahankan kebenaran.

Abdullah berkata prinsip yang dipegang oleh Dr Mahathir itu memaparkan sikap sebenar Perdana Menteri yang sentiasa berpendirian tegas dan berpegang kepada prinsip kebenaran walaupun membabitkan isu dalam negara atau antarabangsa.

"Jika beliau bercakap sesuatu tidak perlu orang yang mendengarnya membuat pelbagai interpretasi (andaian) kerana apa yang beliau cakap adalah jelas," katanya.

-- BERNAMA

RAR AKD